



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(Department Of Skills Development)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA
(Ministry Of Human Resources, Malaysia)
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000
Faks : 03-8889 0989
Email : jpk@mohr.gov.my
Website : www.dsd.gov.my

Ruj. Kami : JPK 1/2/4/2 JLD 12 ()
Tarikh : 23 Disember 2020

PENGURUS PUSAT BERTAULIAH JPK

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PERMOHONAN DATA AKTIF DAN TERKINI PELAJAR WARGANEGARA MALAYSIA DI INSTITUSI LATIHAN DAN PENGAJIAN DI BAWAH SELIAAN JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA BAGI TUJUAN PELAKSANAAN BANTUAN PRIHATIN RAKYAT (BPR) TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan akan menggantikan program Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) mulai 2021. Program BPR merupakan bantuan Kerajaan kepada golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang benar-benar berkelayakan dan memerlukan bagi menangani kos sara hidup yang semakin meningkat. Justeru, bagi mengurangkan ketirisan sumber maklumat pemohon dalam pelaksanaan BPR 2021, pelarasan maklumat amat diperlukan agar setiap permohonan yang diterima pemohon dapat dipadankan dengan data agensi Kerajaan bagi penentuan kelayakan setiap permohonan.

3. Untuk makluman, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang merupakan agensi yang dilantik oleh Kerajaan bagi memproses data BPR telah memohon data aktif dan terkini pelajar warganegara Malaysia di institusi latihan dan pengajian di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia. Justeru, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengisi maklumat yang diperlukan di MySPIKE seperti panduan yang diberikan di **Lampiran**. Bagi memastikan kelancaran proses pelaksanaan BPR oleh Kerajaan, proses pengisian data ini akan dijalankan dari **4 Januari 2021 (Isnin) sehingga 12 Januari 2021 (Selasa)**.

4. Kerjasama dan perhatian dari pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dihargai dan didahului ucapan terima kasih. Sebarang maklumat lanjut berkenaan perkara ini boleh diajukan kepada Encik Nadzron Bin Abd Hamid di alamat emel nadzron@mohr.gov.my atau Encik Shah Ridhwan Bin Ahmad di alamat emel ridhwan@mohr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu'

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ZAIHAN BIN SHUKRI)

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Permohonan Data Aktif dan Terkini Pelajar Warganegara Malaysia di Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran (PB JPK), Kementerian Sumber Manusia Bagi Tujuan Pelaksanaan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Tahun 2021

PANDUAN PENGISIAN**

1. Pengisian adalah melalui laman web : <https://www.myspike.my>
2. Maklumat hanya boleh diisi melalui pengguna MySPIKE yang mempunyai peranan **Pengurus Pusat Bertauliah dan Penyelaras Pusat Bertauliah** sahaja.
3. Langkah-langkah pengisian adalah seperti berikut:
 - i. *Login* / Daftar Masuk laman web MySPIKE;
 - ii. Di “Menu utama”, klik pada “**SLaPB**”;
 - iii. Di “Dashboard Pentauliahan SLaPB”, di bawah menu “Pusat Bertauliah”, klik pada pautan “**BPR2021 – Maklumat Penjaga Pelatih**”;
 - iv. Tertera di paparan adalah “Senarai Daftar Batch” yang aktif;
 - v. Pada perkara “Fungsi/Tindakan”, klik pada “**Senarai Pelatih Batch**”;
 - vi. Tertera di paparan adalah “Senarai Pelatih”, klik pada “**Kemaskini Maklumat Penjaga**” > “**Tambah Maklumat Penjaga**” > isikan setiap maklumat dan klik “**Simpan**”.
 - vii. Ulang langkah v dan vi, untuk setiap “Senarai Pelatih Batch” dan “Senarai Pelatih”.
 - viii. Sekian.

****Pengisian bermula dari 4 Januari 2021 (Isnin) sehingga 12 Januari 2021 (Selasa)**